

## AnCasa Hotel & Spa turut edar bubur lambuk, makanan percuma

# Raikan anak-anak yatim

Oleh AFIQ AMANI NAHDIRSHA

**KUALA LUMPUR** – AnCasa Hotel & Spa yang merupakan rangkaian hotel milik UDA Holdings Bhd. meneruskan tradisinya sempena Ramadan dengan menganjurkan majlis berbuka puasa bersama anak-anak yatim dari Pusat Jagaan Kasih Murni, Taman Keramat di sini berkonsepkan 'Selera Desa-Kembara Iftar, baru-baru ini. Pengarah Urusan Kumpulan UDA Holdings, Datuk Ahmad Abu Bakar berkata,

majlis tersebut diadakan bagi memenuhi tuntutan tanggungjawab sosial korporat khususnya untuk membantu golongan kurang bernasib baik.

"Program ini juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan kakitangan serta pihak pengurusan hotel dengan masyarakat sekali gus memupuk budaya memberi kepada golongan

yang memerlukan," katanya ketika ditemui pada majlis tersebut di sini baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Pengurusan Aset UDA Holdings, Datuk Ahmad Tajuddin Mohamed.

Ahmad berkata, sempena majlis itu, sebanyak 700 bungkus bubur lambuk dan 500 bungkus makanan percuma telah diagihkan kepada orang ramai di depan pintu masuk utama hotel berkenaan.

"Bubur lambuk tersebut dimasak sendiri oleh tukang masak berpengalaman antaranya Cef Mariam dan Cef Yohanis. Dengan cara ini, pihak pengurusan dapat menyatakan rasa terima kasih terhadap orang ramai yang sentiasa memberi sokongan kepada kami," ujarnya.



AHMAD (tiga dari kanan) dan Ahmad Tajuddin (dua dari kanan) bermesra dengan anak-anak yatim dari Pusat Jagaan Kasih Murni, Taman Keramat pada majlis berbuka puasa di Hotel AnCasa & Spa, Kuala Lumpur baru-baru ini.